

**GAYA ASUHAN IBU BAPA DAN DISIPLIN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH DI WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**

SITTI RAHIMAH BINTI YUSUPPU



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

**JUDUL : GAYA ASUHAN IBU BAPA DAN DISIPLIN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : SITTI RAHIMAH BINTI YUSUPPU

SESI PENGAJIAN : 2011/2013

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

JULIZA RAMZI

PUSTAKAWAN KANAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh

(**SITTI RAHIMAH BINTI YUSUPPU**)

(**PROF. MADYA DR. HJ. BAKAROM BIN HJ. MOHAMAD**)

Tarikh : 06 JULAI 2013

Tarikh : 06 JULAI 2013

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

06 JULAI 2013



SITTI RAHIMAH BINTI YUSUPPU
PT20117183C



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya serta hidayah-Nya maka dapatlah saya diberi kekuatan dan idea untuk terus berusaha menyiapkan laporan ini. Sesungguhnya usaha ini tidak akan berjaya tanpa bantuan, bimbingan, sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak.

Sekali lagi dipanjatkan kesyukuran ini kepada Ilahi kerana dipertemukan dengan seorang penyelia yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar kepada saya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Baharom Bin Mohamad di atas segala nasihat, teguran dan bimbingan yang telah diberikan agar saya mampu mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan dalam menghasilkan penulisan dalam bentuk laporan ini. Saya tiada akan pernah lupa kata-kata keramat yang pernah diungkapkan oleh penyelia saya ini dimana " Orang yang ingin berjaya adalah orang yang akan keluar dari zon selesa".

Tidak lupa juga di ucapkan terima kasih kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) yang pernah mengajar saya sepanjang tempoh pengajian di sekolah ini. Begitu juga kepada semua warga Pengurusan dan Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) Kota Kinabalu yang telah banyak membantu melancarkan pengajian dan kajian saya selama di UMS.

Akhir sekali, jutaan terima kasih buat seluruh ahli keluarga, terutama kepada suami dan anak-anak yang terpaksa sama-sama mengharungi perjalanan yang terkadangnya dipukul ombak. Dan kepada bondaku terima kasih atas doa bonda selama ini. Dan rakan-rakan yang tidak jemu-jemu memberi sokongan dan sentiasa bersabar serta memahami cita-cita dan perjuangan hidup saya serta menjadi sumber inspirasi utama untuk menyiapkan disertasi ini. Buat sahabat-sahabat seperjuangan (Pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan Amabilan September 2011) terima kasih di atas sokongan, kerjasama yang telah diberikan sepanjang tempoh pengajian ini dijalankan. Juga buat semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyokong atau membantu saya sepanjang penulisan dan pengajian ini.

Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas segala budi dan jasa baik kalian.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau empat gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa dalam membentuk anak-anak menjadi insan yang sempurna akhlakunya. Penelitian yang diutamakan ialah hubungan antara empat gaya asuhan ibu bapa dan masalah disiplin yang kini hebat diperkatakan kian melanda anak-anak merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian. Masalah disiplin ini sering diperkatakan dan telah dikaitkan dengan kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Ini kerana tidak mustahil masalah disiplin anak remaja tersebut adalah bertitik tolak daripada masalah tingkah laku mereka di rumah sejak zaman kanak-kanak lagi. Objektif kajian ialah melihat sama ada terdapat hubungan empat gaya asuhan ibu bapa dan masalah disiplin pelajar. Selain itu kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh empat gaya asuhan ibu bapa dan masalah disiplin pelajar. Seramai 278 orang murid tingkatan 5 dari 7 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan digunakan dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah soal-selidik yang mengandungi 70 item dengan berskala likert lima. Data dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan Statistical Packages For Social Science (SPSS) versi 21.0 dan dapatan akan dilaporkan dalam bentuk deskriptif (min) dan inferensi (Korelasi dan Regresi). Data yang diperolehi akan diuji menggunakan '*Alpha Cronbach*'.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The purpose of this research is to examine four upbringing methods that are commonly used by parents to raise their children to be a person with outstanding manners. The main observation will be the connection between the upbringing methods and the disciplinary problems amongst teenagers because these disciplinary problems are issues that should be given immediate attention. Those disciplinary problems have often been associated with the parents' failure to bring up their children. It is possible that that teenager's disciplinary problems are caused by the way they were brought up at home. The objective of this research is to find out the connections between the four upbringing methods and the students' disciplinary problems. Furthermore, this research intends to determine the effects of the upbringing methods to the students' disciplinary problems. 278 form five students from 7 different secondary schools in The Federal Territory of Labuan were involved in this research. The instrument used is a five points likert scale questionnaires with 70 items. The data will be analyzed with a software called Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 21.0 and the finding will be presented in the descriptive form (mean) and inferential form (Correlation and Regression). The data gathered will be tested using 'Alpha Cronbach'.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
STATUS PENGESAHAN TESIS	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Persoalan Kajian	11
1.7	Hipotesis Kajian	12
1.8	Signifikan Kajian	13
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Definisi Operasional	15
	1.10.1 Gaya Asuhan Ibubapa	15
	1.10.2 Disiplin	19
	1.10.3. Pelajar	20
	1.10.4. Ponteng	21
	1.10.5. Buli	22

1.10.6. Jenayah	23
1.11 Kerangka Konseptual Kajian	24
1.12 Kesimpulan	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1. Pengenalan	27
2.2. Tinjauan Literatur	27
2.3. Teori-teori Kajian	33
2.3.1. Teori Pembelajaran Sosial	33
2.3.2. Teori Kekecewaan-Agresif	36
2.3.3. Teori Ajukan Sosial	38
2.3.4. Teori Tabiat Manusia	40
2.3.5. Teori fungsionalisme	42
2.3.6. Pendekatan Islam	43
2.4. Model-model Kajian	44
2.4.1. Model Gaya Asuhan Baumrind	44
2.4.2. Model Perkembangan Antisosial Patterson	49
2.5. Kajian-Kajian Berkaitan	50
2.5.1. Kajian Dalam Negara	50
2.5.2. Kajian Luar Negara	52
2.6 Kesimpulan	54

BAB 3 TINJAUAN LITERATUR

3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka bentuk Kajian	55
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	56
3.4	Lokasi Kajian	57
3.5	Instrumen Kajian	57
3.5.1	Borang Soal Selidik	58
3.5.2.	Penilaian Instrumen Kajian	60
3.5.2.1.	Kaedah Deskriptif	60
3.5.2.2.	Kaedah Inferensi	61
3.5.3.	Rumusan Analisis Data	63
3.6	Kajian Rintis	63
3.7	Pembolehubah kajian	65
3.7.1	Pembolehubah Bersandar	65
3.7.2.	Pembolehubah Bebas	65
3.8	Kesimpulan	65

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	66
4.2	Analisis Deskriptif	66
4.3	Analisis Statistik Inferensi	72
4.3.1.	Korelasi Pearson	72
4.3.2.	Regrasi Berganda	77
4.4	Kesimpulan	79

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	80
5.2	Perbincangan	80
5.2.1.	Apakah Skor min gaya asuhan autokratik, demokratik, permisif negligen dan permisif indulgen	80
5.2.2.	Apakah terdapat hubungan antara gaya sauhan ibu bapa Dengan masalah disiplin murid	83
5.2.3.	Apakah terdapat pengaruh gaya asuhan ibu bapa terhadap masalah disiplin murid.	86
5.3	Rumusan	88
5.3.1.	Gaya asuhan ibu bapa dan masalah disiplin pelajar	88
5.3.2.	Hubungan antara gaya asuhan autokratik, demokratik, permisif indulgen, permisif negligen dengan masalah disiplin pelajar.	94
5.3.3.	Pengaruh gaya asuhan autokratik, demokratik, permisif indulgen dan permisif negligen terhadap masalah disiplin pelajar.	97
5.4	Cadangan	103
5.4.1.	Kepentingan gaya asuhan ibu bapa dalam membentuk peribadi anak-anak	103
5.4.2.	Strategi mengurangkan konflik antara ibu bapa dan anak.	105
5.4.3.	Peranan gaya asuhan ibu bapa dalam membentuk disiplin pelajar	106
5.5	Penutup	109

BIBLIOGRAFI	110
LAMPIRAN 1: Borang Soal Selidik	118
LAMPIRAN 2: Analisis SPSS	125
LAMPIRAN 3: Analisis Kajian Rintis	132
LAMPIRAN 4: Analisis Kajian Sebenar	134
LAMPIRAN 5: Jadual Persampelan	137

SURAT KELULUSAN MENJALANKAN KAJIAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	HALAMAN
1.11	Kerangka Konseptual Kajian	24
2.1	Konsep Determinisme Timbal Balik Dalam Teori Pembelajaran Sosial	35
2.2	Model Teori Kekecewaan-Agresif	37
2.3	Corak Asuhan Dua Dimensi Baumrind	48



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	HALAMAN
3.1	Konstruk Item Soal Selidik	59
3.2	Skala Jadual Pemeringkatan Borang Soal Selidik	60
3.3	Tahap Analisis Min dan Skala Tafsir Bagi Analisis Dapatan Soal Selidik	61
3.4	Kekuatan nilai pekali korelasi	62
3.5	Jadual Ringkas Kaedah Analisis Data	63
3.6	Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis	64
4.7	Taburan Min Gaya Asuhan Autokratik	67
4.8	Taburan Min Gaya Asuhan Demokratik	68
4.9	Taburan Min Gaya Asuhan Permisif Indulgen	69
4.10	Taburan Min Gaya Asuhan Permisif Negligen	70
4.11	Taburan Min Masalah Pelajar	71
4.12	Analisis Hubungan Antara Gaya Asuhan Autokratik Dengan Masalah Disiplin	72
4.13	Analisis Hubungan Antara Gaya Asuhan Demokratik Dengan Masalah Disiplin	73
4.14	Analisis Hubungan Antara Gaya Asuhan Permisif Indulgen Dengan Masalah Disiplin	74
4.15	Analisis Hubungan Antara Gaya Asuhan Permisif Negligen Dengan Masalah Disiplin	75
4.16	Pekali Regresi Gaya Asuhan Autokratik, Demokratik, Permisif Indulgen dan Permisif Negligen Terhadap Masalah Disipli	77

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

HEM	Hal Ehwal Murid
ICT	Information and Communication Technology
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Palajaran Malaysia
PLUMS	Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah
SPSS	Statistical Package For the Social Science
UMS	Universiti Malaysia Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ledakan globalisasi dan pembangunan materialisme yang seiring dengan perkembangan ICT yang semakin kencang ini tidak akan membawa apa-apa erti sekiranya masyarakat terus dibelenggu dengan pelbagai masalah disiplin. Itulah hakikat yang sukar diterima apabila semakin berkembangnya ilmu di zaman teknologi ini, semakin luas keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah di negara kita.

Ibu bapa adalah agen utama yang mesti memainkan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab mengasuh, mendidik mengajar serta membimbing anak-anak mereka untuk menjadi pewaris pelapis kepada generasi yang cemerlang ilmu dan akhlakunya di dunia dan akhirat. Justeru ibu bapa perlu bersedia dengan pengetahuan mentarbiah anak-anak mengikut arus kemajuan dan kemodenan dunia yang serba canggih, dengan mengumpul, mendalami serta mempraktikkan segala maklumat terkini yang sesuai untuk diterapkan dalam agenda memantapkan sahsiah diri anak-anak lalu cuba menterjemahkannya dalam agenda aspirasi pendidikan masa kini khususnya dalam melahirkan modal insan.

Pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa boleh mengubah fitrah anak-anak. Ibu bapa bertanggungjawab menjaga anak-anak mereka dari segi perkembangan jasmani,

kerohanian, minda dan daripada ditimpa kesusahan atau kemudaratan. Kanak-kanak tidak mempunyai kemampuan untuk menjangka akibat sesuatu perkara ke atas diri mereka dan mereka juga tidak tahu membezakan perkara yang membawa manfaat atau sebaliknya (Azrina Sobian, 2007). Ini bertepatan dengan ulasan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam isu kajian masalah sosial remaja di mana beliau menyarankan supaya berhenti menyalahkan remaja sahaja. Sebaliknya orang tua yang selalu menghukum remaja juga perlu menilai semula peranan mereka dalam hal ini (Berita Harian, 1.3.2007).

Menurut Kaplan (1975), keluarga yang kurang harmonis dan lemah interaksi sesama ibu bapa dan anak turut menyumbang kepada masalah melepak. Ibu bapa merupakan tempat anak-anak bergantung dan mengadu sekiranya timbul masalah dalam kalangan mereka. Jika ibu bapa memberikan rangsangan yang baik, anak-anak akan merasa dihargai dan disayangi, sekurang- kurangnya akan mengeratkan lagi tali silaturahim sesama keluarga. Menurut Azizi, *et. al.* (2005), sekiranya ibu bapa gagal memberi pengalaman sosialisasi yang berkesan, maka akan menimbulkan pelbagai perlakuan dan aktiviti sosial yang tidak sihat. Selain itu, ada juga baiknya jika ibu bapa bersama anak-anak melakukan aktiviti bersama-sama seperti kegiatan riadah sekeluarga yang mana aktiviti seumpama itu amat sesuai diterapkan dalam mengeratkan lagi perhubungan dan seisi keluarga dan mengisi masa lapang dengan berfaedah.

Ini disokong oleh Fazilah Kamsah (1997) yang menyatakan bahawa ibu bapa berperanan sebagai penjaga, pendidik, pengasuh, pemimpin, perawat, penasihat dan kauselor dari segi fizikal, mental dan rohani anak. Sebagai ibu bapa kita harus sentiasa peka terhadap apa jua perubahan sikap dan tingkah laku anak-anak. Kita harus bijak

dalam menghadapi karenah anak-anak. Jadilah ibu bapa yang tegas tetapi bertolak ansur. Komunikasi termasuklah mendengar, memahami masalah dan ketakutan mereka, membantu mereka memerlukan dan menjelaskan dengan tegas apa yang betul dan apa yang salah. Cara komunikasi adalah perkara penting yang boleh mengeratkan hubungan sesama ibu bapa dan anak. Jika tidak remaja yang mempunyai masalah akan lebih suka meluahkan masalah kepada rakan atau memilih aktiviti melepak sebagai salah satu cara untuk melarikan diri daripada realiti.

Asri (1997), ibu bapa adalah individu yang paling rapat dengan anak. Jika ibu bapa tidak menjadi *role model* yang baik, maka gagal pendidikan formal di rumah. Sejak anak-anak dilahirkan, ibu bapalah orang yang mula-mula akan mempengaruhi sikap mereka sama ada baik atau pun sebaliknya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Anak-anak adalah menjadi tanggungjawab kepada ibu bapa untuk menjaga, mengasuh, mendidik dan memberi segala hak kepada mereka supaya berfungsi sebagaimana yang dikehendaki oleh ibu bapanya. Amanat ini merupakan satu kewajipan yang besar untuk dilaksanakan oleh ibu bapa bagi memastikan perkembangan jiwa anak-anak berada pada tahap yang paling baik sehingga mereka meningkat dewasa. Bak kata pepatah 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya' kerana anak-anak diibaratkan kain putih yang dicorakkan oleh ibu bapa mereka. Jadi terpulanglah kepada ibu bapa untuk mencorakkan kehidupan anak-anak mereka menuju kepada kebaikan ataupun sebaliknya.

Gaya asuhan ibu bapa yang sempurna boleh menjamin kejayaan anak-anak pada masa hadapan agar tidak terjebak atau terjerumus kepada perkara-perkara atau perbuatan-perbuatan yang negatif. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak agar tidak terpengaruh dengan persekitaran dengan mengambil berat akan diri anak-anak dari segi hubungan mereka di luar sana. Sikap tidak mengambil peduli terhadap anak akan membawa kepada keruntuhan akhlak dan akan menjejaskan perkembangan dari segi sahsiahnya.

Kegagalan ibu bapa dalam memperlengkapkan diri dengan elemen-elemen yang sepatutnya ada pada diri ibu bapa adalah menjadi punca sebenar kegagalan membentuk generasi hari ini, pendek kata ibu bapa harus menjadi cermin, ikutan, contoh teladan yang baik kepada anak-anak mereka dalam segenap segi. Sekiranya ibu bapa mengabaikan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak maka ini akan membuka ruang kepada anak-anak untuk terpengaruh dengan gejala sosial yang membawa kepada masalah disiplin di sekolah. Ini disokong oleh Wong Khek Seng (1996), sikap ibu bapa yang kurang peduli anak menjadi unsur pendorong utama kewujudan segala masalah sosial dalam kalangan remaja di Malaysia. Jika ibu bapa dapat mengesan anak-anak melakukan kesalahan hendaklah disiasat dan dipastikan terlebih dahulu keadaan sebenar. Jika telah terbukti kesalahan mereka barulah berbincang secara baik sebab mengapa boleh terlibat dan bila ianya bermula.

Ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan keperluan rohani anak-anak mereka. Sesuai dengan kedudukan rumah sebagai institusi pendidikan pertama, ibu bapalah yang bertanggungjawab memberikan pendidikan agama, iman dan akhlak. Menurut Al-Ghazali dan Ibnu Sina (dalam Mohamad Kamil,

1990), dalam Islam ibu bapa perlu mendidik dan mengasuh anak dengan ilmu keagamaan yang cukup agar mengelakkan dari kepincangan sosialisasi.

Ibu bapa telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga, mengasuh, mendidik dan memberi segala hak anak-anak supaya mereka berfungsi sebagaimana yang dikehendaki oleh ibu bapanya. Amanah itu wajib dilaksanakan bagi memastikan perkembangan jiwa anak-anak berada pada tahap yang paling baik sehingga mereka remaja dan meningkat dewasa. Unit keluarga didapati pada semua masyarakat dan remaja merupakan produk daripada persekitaran keluarga iaitu satu sumber primer dalam proses sosialisasi. Oleh itu, segala pertentangan di dalam nilai sosial dan moral yang wujud dalam populasi remaja merupakan hasil daripada jenis sistem yang digunakan oleh sesebuah keluarga dan persekitaran di mana mereka disosialisasikan (White,1996)

Seorang ahli Antropologi, George Peter Murdock (dalam Goode, 1982) mentakrifkan bahawa keluarga adalah satu kelompok sosial yang tinggal di bawah satu bumbung, mempunyai kerjasama dalam kegiatan ekonomi dan menambah zuriat. Faktor kepincangan keluarga dan taraf sosioekonomi sesebuah keluarga akan mencorakkan kehidupan seorang kanak-kanak. Kegagalan ibu bapa sendiri untuk membetulkan kepincangan anak-anak mereka akan menyebabkan anak-anak ini tidak lagi menghormati mereka. Institusi keluarga memainkan peranan yang penting sebagai pembentuk sahsiah anak-anak. Ibu bapa haruslah membimbing, memahami dan menyelami kehendak jiwa remaja serta berfikiran terbuka. Ini akan mendorong kepada kewujudan suasana harmonis.

Kajian yang dijalankan oleh Baker (1985), menyatakan bahawa sekolah hari ini telah didatangi oleh gejala-gejala yang tidak baik seperti kejahatan, keganasan dan jenayah patut diberi perhatian berat oleh pihak sekolah kerana ia tidak diterima oleh masyarakat. Ini jelas bahawa salah laku disiplin pelajar yang timbul serta kerap berlaku pada masa kini ialah dalam kategori jenayah, kelakuan negaif, membolos dan menipu. Menurut Mok Soon Sang (2009), kesalahan-kesalahan yang melibatkan disiplin sekolah yang timbul pada masa kini telah dikategorikan kepada empat jenis iaitu jenayah, kelakuan negatif, membolos dan menipu.

Ramai pelajar sekolah menengah masih tidak dapat mendisiplinkan diri mereka dalam menepati masa yang ditetapkan. Pelajar-pelajar biasanya tidak menepati masa permulaan sekolah dan suka memberikan alasan yang kurang memuaskan. Mereka datang ke sekolah secara sambil lewa tanpa memikirkan ia mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Datang lewat ke sekolah adalah perkara yang selalu berlaku dan ia tidak mempunyai kesudahan (Abdullah Sani Yahya, 2005). Masalah disiplin di kalangan pelajar sudah tentu menjadi faktor utama kemerosotan pencapaian akademik pelajar. Kajian tentang kenakalan remaja menunjukkan remaja yang melakukan kesalahan didapati mendapat markah yang rendah dalam ujian penglihatan, pertuturan, penulisan, bacaan dan kecerdasan am (Azizi Yahya, *et. al.*, 2008).

1.3 Pernyataan Masalah

Gejala keruntuhan akhlak dan tingkah laku *devian* dalam kalangan pelajar remaja seringkali dikaitkan dengan faktor kekeluargaan remaja itu sendiri. Di samping itu juga, gejala-gejala sosial yang melanda remaja kini juga sering dianggap sebagai satu manifestasi kegagalan sesebuah sistem keluarga dalam aspek pembentukan sahsiah dan pendidikan anak-anak. Terdapat banyak gejala sosial yang melanda remaja kita pada hari ini yang melibatkan kemerosotan disiplin pelajar seperti penyalahgunaan dadah, isu 'mat rempit', ponteng sekolah, buli dan jenayah yang semakin berleluasa dalam kalangan pelajar.

Ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan sahsiah individu itu. Keluarga juga dianggap sebagai kumpulan sosial yang pertama melingkungi dan mendampingi anak-anak sejak kecil lagi. Anak-anak lebih banyak menghabiskan masa bersama keluarganya lebih daripada kumpulan sosial diluar. Justeru, pengaruh keluarga terhadap perkembangan individu itu sangatlah besar impaknya.

Corak asuhan dan didikan anak-anak sewaktu kecil sehingga remaja dijadikan kayu pengukur kepada pembentukkan peribadi anak-anak apabila dewasa. Seorang dewasa yang beretika, berdisiplin dan berbudi bahasa adalah datang daripada kelompok kanak-kanak yang terdidik dengan etika, disiplin dan berbudi bahasa. Begitu juga sebaliknya, seorang dewasa yang kejam, ganas dan tidak beretika datangnya daripada kelompok kanak-kanak dan remaja yang terbiasa dengan persekitaran yang kejam, ganas dan tidak beretika (Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom, 2007). Menurut Hamachek (1995), pembentukkan perlakuan anak bermula dari rumah. Suasana keluarga yang tidak harmoni, tanpa kasih sayang daripada ibu

bapa akan mendorong remaja mencari kebahagiaan dan keseronokkan di luar rumah bersama rakan. Dalam erti kata lain, ibu bapalah orang yang paling hampir dengan anak-anak.

Kemajuan dunia telah membuatkan setiap individu berlumba-lumba untuk maju ke hadapan. Walau sesibuk mana pun, ibu bapa haruslah membahagikan dan meluangkan masa untuk anak-anak yang amat memerlukan bimbingan dan kasih sayang. Ini bertepatan dengan ulasan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam isu kajian masalah sosial remaja di mana beliau menyarankan supaya berhenti menyalahkan remaja sahaja. Sebaliknya, ibu bapa yang selalu menghukum remaja juga perlu menilai semula peranan mereka dalam hal ini (Berita Harian, 2007).

Bagi anak-anak, mereka akan terpengaruh oleh didikan dan asuhan ibu bapa mereka. Sikap dan tingkah laku ibu bapa merupakan teladan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh mereka. Oleh kerana itu, ibu bapa haruslah menjadi contoh atau teladan yang baik pada anak-anak. Ini selaras dengan pernyataan Mustafa (1997), bahawa watak yang ditunjukkan oleh ibu bapa akan diwarisi oleh anak apabila mereka besar kelak. Kajian itu mendapati kebanyakan pelaku jenayah juvana itu mempunyai personaliti tidak matang yang diwarisi daripada ibu bapa kerana didikan keluarga yang kurang sempurna. Kepincangan institusi berkenaan menjadi salah satu faktor perlakuan jenayah terjadi di kalangan kanak-kanak (Berita Harian, 6.9.2005). Kajian mengesahkan kanak-kanak yang kerap melakukan jenayah seumpama itu hadir dari keluarga yang mempunyai masalah sendiri, tidak mampu berkomunikasi dengan baik dan mempunyai hubungan kemanusiaan yang lemah kerana tidak cenderung berfikir secara kritikal serta berbual mengenai perkara yang sihat dengan anak-anak.

Berdasarkan kenyataan di atas maka pengkaji berminat untuk melihat hubungan dan pengaruh gaya asuhan ibu bapa dengan disiplin pelajar di sekolah.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat corak atau pun gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa dalam membentuk anak-anak menjadi insan yang sempurna akhlakunya. Penelitian yang diutamakan ialah hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan masalah disiplin yang kini hebat diperkatakan kian melanda anak-anak menjadi tujuan penting dalam menjalankan kajian ini. Masalah disiplin anak-anak remaja merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian antaranya ialah ponteng sekolah, buli dan jenayah. Masalah disiplin ini sering diperkatakan dan telah dikaitkan dengan kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Ini kerana tidak mustahil masalah disiplin anak remaja tersebut adalah bertitik tolak daripada masalah tingkah laku mereka di rumah sejak zaman kanak-kanak lagi.

Fenomena salah laku yang melanda remaja, khususnya pelajar sekolah menengah yang berkemungkinan menjadi faktor utama ialah keluarga, khususnya aspek gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak di rumah yang didapati menyumbang kepada masalah disiplin pelajar. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk melihat gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa dan bagaimana jenis gaya asuhan memberi impak negatif kepada masalah disiplin pelajar. Menurut Hall (1904), remaja adalah masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik. Oleh itu, adalah penting bagi orang dewasa khususnya ibu bapa, pendidik dan ahli masyarakat untuk mengikuti perkembangan remaja. Mereka wajar membantu remaja agar mengelakkan diri dari terjebak dengan kegiatan yang negatif. Pelajar-pelajar remaja akan mudah terpengaruh dan suka mengabaikan pelajaran jika tidak dikawal atau kurang perhatian.

Akhirnya ini akan menghasilkan remaja yang tidak produktif seperti melepak, mencuri, ponteng dan sebagainya.

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya objektif tinjauan ini adalah untuk mengkaji perkaitan dan pengaruh gaya asuhan ibu bapa dan masalah disiplin pelajar di beberapa buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk:

- 1.5.1. Mengenal pasti skor min gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan pelajar yang bermasalah disiplin.
- 1.5.2. Mengenal pasti hubungan empat gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan pelajar dengan yang bermasalah disiplin.
- 1.5.3. Mengenal pasti pengaruh gaya asuhan ibu bapa autokratik, demokratik, *permisif indulgen* dan *permisif negligen* terhadap masalah disiplin pelajar.